

Mencari Kuala Lumpur impian

UM-25-OCT-2005

Oleh SAMSOR JUNET
(WARTAWAN UTUSAN)

MENTERI Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil memang 'ligat' berjumpa masyarakat marhaen sejak dulu sampai sekarang.

Selaku Ahli Parlimen Lembah Pantai, sikap semula jadi beliau itu tidak ditumpukan di kawasan Parlimennya semata-mata, malah di seluruh negara, asalkan ia berkaitan kementerian.

Segecap lapisan masyarakat pula tidak keberatan untuk bergaul mesra dengan Shahrizat, seorang peguam yang peramah, suka pula mendengar.

Keistimewaan beliau yang tersendiri itu semakin mendapat perhatian sejak dilantik pemangku Menteri Wilayah Persekutuan baru-baru ini, mengalahkan yang lain.

Pada Selasa minggu lepas, - hari pertama menjalankan tugas, beliau mengambil kesempatan melawat Bazar Ramadan di Jalan Masjid India, Kuala Lumpur.

Tentulah kedatangannya pada hari itu cukup memikat, kerana di situlah sebahagian besar penaja kecil Melayu berniaga pada Ramadan dan waktu lain.

Kemudian pada Sabtu lepas, beliau mengadakan majlis berbuka puasa yang dinamakan 'Rahmat Ramadan' di Data-ran Merdeka.

Majlis tersebut cukup istimewa apabila kira-kira 5,000 orang menghadirinya terdiri daripada fakir miskin, warga emas, kurang upaya dan anak yatim.

Pengemis dan kutu rayau tidak ketinggalan menjamu selera pada majlis tersebut.

Shahrizat turut membuat 'jemputan rasmi' kepada warga kota ke majlis tersebut dengan membeli ruang iklan dalam akhbar.

Dari satu aspek, kehadiran Shahrizat pada kedua-dua majlis itu merupakan 'salam pengenalan' beliau kepada seluruh warga kota.

Apa pun ketika bertemu dengan kedua-dua kategori majlis itu, Shahrizat tentu berhadapan dengan dua masalah yang sama.

Pertama, masalah kesesakan dan kedua, masalah kebersihan.

Kesesakan lalu lintas merupakan masalah utama yang menyebabkan warga kota mengalami pelbagai penderitaan.

Macam-macam deritanya - derita menekan pedal, derita bayar duit minyak, derita sakit hati tak berkata dan derita 'berbuka puasa dalam kereta'.

Entah berapa banyak masa dibuang di tengah jalan untuk sampai ke sesuatu destinasi yang jaraknya 'sepelaung' anak dara, usah dikira.

Jika dulu, kesesakan bermula di depan

pintu rumah di tengah ibu negara, kini ia bermula di pintu rumah di luar ibu negara, iaitu di kawasan konurbasinya.

Dan sejak dulu sampai sekarang, cara popular yang diambil oleh kerajaan untuk mengatasinya ialah dengan membina jaringan jalan raya sebanyak mungkin.

Ketika gawat kesesakan lalu lintas pada 1990-an, kerajaan mengambil langkah membina Lebuhraya Lingkaran Tengah (MRR2).

Jika di kampung, ia merupakan 'jalan belakang' rumah, dengan harapan untuk mengurangkan kesesakan yang teruk di ibu negara.

Malangnya pada hari ini, ia merupakan lebuhraya paling sesak sepanjang masa dari hulu sampai ke hilir, siang dan malam.

Malah keadaannya jauh lebih buruk berbanding Lebuhraya Persekutuan menuju ke Shah Alam dan Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban.

Tidak mustahil dalam masa terdekat ini, dua lebuhraya lama dan satu lebuhraya baru itu akan menjadi tepu.

Pertumbuhan

Kerajaan juga menyediakan pelbagai sistem pengangkutan seperti sistem transit aliran ringan (LRT), komuter, monorel, teksi, bas bersepadu.

Malangnya, di sebalik minat warga kota untuk menaiki LRT, monorel dan sumpamanya, perkhidmatan tersebut hanya terdapat di kawasan pertumbuhan utama sahaja meskipun warga kota sudah pandai menggunakannya dengan berkesan.

Dalam hubungan ini, Shahrizat patut mengambil inisiatif untuk mempengaruhi kerajaan supaya melaksanakan sistem yang 'mahal' itu ke seluruh ceruk rantau Lembah Klang dan konurbasinya.

Katakan kepada kerajaan: Kesesakan lalu lintas hanya dapat diatasi dengan membina sistem itu di seluruh Lembah Klang, dengan belanja 'sekian bilion', tetapi ia sebenarnya jauh lebih murah, jika kita terpaksa membinanya pada 2020.

Yang penting, sistem itu sampai 'di depan pintu rumah kita, buka pintu rumah sendiri, nampak 'stesen LRT', bukan buka pintu rumah sendiri, nampak kereta sendiri'.

Dengan cara itu kita secara tidak langsung dapat menyekat warga Lembah Klang untuk tidak menggunakan kereta berkunjung bandar raya.

Ia sekali gus melengkap fungsi kewujudan Putrajaya untuk mengalihkan kepadatan penduduk dan lalu lintas.

Selain itu, ia selaras dengan dasar kerajaan sejak sekian lama untuk tidak



SHAHRIZAT ABDUL JALIL

'melarang' rakyat membeli seberapa banyak kereta.

Kerajaan juga tidak peduli berapa banyak kenderaan hendak memasuki KL sesuka hati, tetapi tanggunglah derita kesesakan itu 'sesedap rasa'.

Dasar sedia ada sebenarnya dasar ketinggalan zaman.

Ia merupakan cara berfikir orang dulu yang mesti diubah bagi membolehkan warga kota menikmati keindahan dan kemakmuran Kuala Lumpur sama rata.

Satu lagi aspek yang perlu Shahrizat beri perhatian ialah soal 'kebersihan tulen' di seluruh Lembah Klang.

Kuala Lumpur itu sendiri tidak seluas mana, hanya 243.65 kilometer persegi.

Jika kita perhatikan, Kuala Lumpur hanya bersih di kawasan-kawasan elit semata-mata.

Sebagai contoh, ia bersih di Taman Tun Dr. Ismail, sebahagian Bangsar, sebahagian Pusat Bandar Damansara dan sebahagian 'pusat bandar raya dan Segi Tiga Emas.

Kawasan-kawasan kenamaan juga bersih terutama di sekitar Jalan Duta.

Selebihnya, terutama di kawasan tumpuan ramai, Kuala Lumpur tidaklah sebersih yang diharapkan.

Di sana sini, anda sebenarnya begitu mudah untuk melihat sampah dibuang merata-rata dan pelbagai jenis pula.

Jika ditanya kepada pegawai Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), mereka dengan mudahnya menjawab:

"Itu kerja orang luar (pendatang asing) bukan orang Kuala Lumpur yang sayangkan KL."

Sebenarnya ia mencerminkan betapa kita memandangkan ringan soal kebersihan sedangkan ia ciri utama bandar raya unggul.

Kalau anda pergi ke lorong-lorong belakang bangunan di sekitar Kuala Lumpur, anda mungkin rasa mahu muntah melihat peniaga tanpa mengira bangsa dengan relanya mengotorkan longkang.

Jika hari ini anda berjalan di lorong belakang, Jalan Tuanku Abdul Rahman atau Jalan Masjid India, anda lihat betapa kotornya jalan tersebut.

Berkesan

Jika anda bawa beg plastik hitam, anda boleh memenuhkannya dengan sampah yang dikutip dengan banyaknya di kawasan berkenaan.

Itu belum dikira lagi pasar usang di Pasar Pudu dan Pasar Chow Kit berdekatan dengan Kampung Baru yang 'compang-camping'.

Sebenarnya, suka atau tidak, Alam Flora Sdn. Bhd. dilihat kurang berkesan dalam konteks untuk memastikan bandar raya benar-benar bersih, dan seperti biasa, pelbagai alasan diberikan.

Lazimnya, Alam Flora atau DBKL sendiri cepat membersihkan sesuatu kawasan yang kotor itu jika ia didedahkan oleh media.

Mengenai soal kebersihan ini, ada dua pemimpin yang tidak boleh ditandingi sikapnya.

Mereka ialah Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Tan Sri Elyas Omar yang menjadi Datuk Bandar selama 11 tahun pada era Mahathir.

Elyas merupakan satu-satunya Datuk Bandar yang turun padang dalam erti kata yang sebenarnya untuk melihat KL benar-benar bersih malah bersama Dr. Mahathir, beliau berjaya mengubah 'wajah' KL yang kotor.

Pada zamannya, diikuti zaman-zaman selepasnya, KL terus jauh berubah tetapi

malangnya ketika ini, tidak ada seorang pemimpin pun yang bercakap tentang pentingnya soal kebersihan.

Ia kini tinggal sejarah dan menjadi kenangan.

Mungkin dalam konteks ini, Shahrizat mampu untuk mengulangi sejarah untuk menjadi pemangku Menteri Wilayah Persekutuan pertama di kalangan wanita, yang turun padang untuk mengambil berat soal ini.

Kita sebenarnya rindu hendak melihat pemimpin mencuci longkang, sapu jalan, bersihkan bangunan dan sebagainya sebagaimana dulu.

Selain menunjukkan semangat bergotong-royong yang 'telah' agak lama kita tinggalkan, langkah turun padang itu sebenarnya merupakan satu contoh kepimpinan melalui teladan.

Itulah dua masalah utama KL ketika ini selain soal banjir kilat yang kerap berlaku di Jalan Sungai Buloh berikutan kerja-kerja menaik taraf jalan.

Dan menjadi harapan seluruh warga Lembah Klang untuk melihat kebolehmampuan Shahrizat untuk berusaha menyelesaikan masalah tersebut yang menghantui warga kota sejak sekian lama.

Menjadi impian seluruh warga kota untuk melihat Shahrizat bersama timbalannya, Datuk Zulhasnan Rafique dan Setiausaha Parlimennya, Yew Teong Locke untuk menjadikan kemajuan KL mendahului zaman.

Mungkin ada baiknya, jika kita melawat Menara Berkembar Petronas pada waktu malam.

Kemudian kita berjalan di atas jambatannya di tingkat 42 dan berhenti di tengah lalu mendongak ke langit.

Dari celah-celah bulatan kaca pada bumbung jambatan berkenaan, kita pasti berbangga melihat betapa cantiknya, satu-satunya, menara berkembar tertinggi di planet bumi, disimbahi cahaya.

Itulah Kuala Lumpur impian.